



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH  
KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENGAUDITAN 1MDB**

Sebagai maklum balas kepada pihak-pihak yang ingin mengetahui status terkini pengauditan Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap 1MDB, sukacita dimaklumkan bahawa JAN sememangnya memberi keutamaan terhadap tugas ini. JAN kini sedang giat melakukan pengauditan tersebut dan berusaha untuk menyiapkannya seberapa cepat yang boleh.

JAN bercadang untuk mengemukakan laporan awal (interim report) pengauditan ini kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) selewat-lewatnya akhir bulan Jun ini.

Jabatan Audit Negara

12 Mei 2015